

KOKTEL PARTI “DILAZIMKAN” UNTUK MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN INDONESIA?

Koktel parti telah di adakan oleh Kaunsel Agung Indonesia di rumahnya kerana menyambut Hari Kemerdekaan Indonesia.

Sungguhpun pemerintahan negara Indonesia itu tidak rasmi sebagai sebuah negara Islam tetapi di dalam istiadat-istiadat negeri nampaknya agama Islam itu telah menjadi seakan-akan rasmi dan dengan demikian maka keadaan mengadakan koktel parti itu adalah kurang menyedapkan perhatian warga negara Indonesia yang kasihkan agama Islam. Mudah-mudahan kelaziman mengadakan koktel parti itu nanti akan bertukar dengan tea parti sebagai menyebut ulang tahun kemerdekaan itu supaya perasaan orang Islam yang terlebih banyak di Indonesia itu tidak tersinggung.



Sebahagian besar daripada dif-dif di rumah kaunsel Agung Indonesia, di Singapura dalam jamuan koktel parti.

Ditengah-tengah : Dr M Razif



Wahyunah Salih (berkaca mata) isteri Sutan Syahrir dalam jamuan koktel parti menyambut Hari Kemerdekaan

Indonesia itu. Di kanannya : Nyonya Dr Razif dan di kirinya Mimi anak angkat Sutan Syahrir.